

**Muhyiddin Harap Guru Tunai Tanggungjawab Mengundi Dengan Bijaksana Bernama  
8 April, 2013**

KLANG, 8 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berharap para guru membuat pertimbangan bijaksana dalam menunaikan tanggungjawab ketika mengundi demi masa depan negara dan kerjaya perguruan yang lebih cerah.

"Jangan berdiam diri, berkata tak apalah tak payah mengundi, Barisan Nasional mesti menang.

"Kalau ada sikap begitu, kita takut...boleh kalah," katanya pada Majlis Perjumpaan Khas Timbalan Perdana Menteri dengan warga pendidik Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di SJKT Simpang Lima di sini, Isnin.

Oleh itu, Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran berkata kementerian mahu sesiapa yang ada hak mengundi agar menggunakan hak itu bagi menentukan masa depan mereka yang cemerlang dan gemilang.

Beliau berkata percayalah kerajaan akan terus membantu SJKT di seluruh negara yang memerlukan tambahan prasarana seperti bilik darjah tambahan dan komputer.

Katanya Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak telah memperincikan di dalam manifesto Barisan Nasional (BN) untuk guru-guru termasuk menjadikan kerjaya guru sebagai profesion yang dihormati dengan masa depan yang lebih baik.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=940458>